



## KENYATAAN MEDIA BERSAMA

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR) DAN YAYASAN WAQAF  
MALAYSIA (YWM)

### **“WAKAF MEMBANGUN MALAYSIA MADANI”**

Wakaf Pendidikan Tinggi, Fokus Utama Bulan Wakaf Kebangsaan  
Tahun 2024

1. Bulan Ramadan sebagai Bulan Wakaf Kebangsaan (BWK) telah diperkenalkan sejak tahun 2021, dengan objektif utama untuk **mewujudkan kesedaran amalan berwakaf dalam kalangan masyarakat**, yang akhirnya usaha menjadikan **wakaf sebagai jenama keluarga atau *household brand* dapat direalisasikan**.
2. Semasa meluncurkan BWK 2024, YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), memaklumkan bahawa penekanan terhadap pembangunan wakaf oleh Kerajaan Persekutuan telah dizahirkan dalam setiap Rancangan Malaysia, bermula Rancangan Malaysia Kelapan dan menerusi inisiatif Belanjawan Tahunan sehingga kini.
3. Dalam ucapannya juga, beliau menggariskan **4 tindakan yang perlu dilaksanakan segera oleh JAWHAR dan YWM bagi memperkasakan pembangunan wakaf di Malaysia**, iaitu:
  - a. menggembungkan tenaga bersama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) agar usaha-usaha melonjakkan potensi wakaf dapat direalisasikan pada tahun 2030;
  - b. bersama-sama MAIN dengan syarikat korporat melaksanakan Wakaf Produktif atau Wakaf Ekonomi bagi mengoptimumkan penggunaan hartanah wakaf;
  - c. meneroka konsep Wakaf Bertempoh sebagai sumber dana alternatif bagi pembangunan wakaf seluruh negara dengan penglibatan syarikat korporat, dana luar negara, GLC, GLIC dan individu; dan

- d. mempergiat segmen pengagihan dana wakaf bagi memastikan manfaatnya dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.
- 4. **Kementerian Kewangan, MyCIF, JAWHAR, YWM dan lain-lain agensi disaran untuk bekerjasama di peringkat Persekutuan dengan penglibatan MAIN** agar projek-projek berimpak tinggi seperti infrastruktur, sekuriti makanan dan kesihatan dapat dilaksanakan.
- 5. YB Senator Dato' Setia turut mengesyorkan supaya **sektor korporat turut melibatkan penyertaan JAWHAR dan YWM dalam pembangunan inisiatif-inisiatif wakaf** agar perkara ini dapat diselaraskan dengan lebih tersusun dengan penglibatan bersama MAIN bagi memastikan manfaat semua inisiatif wakaf ini dapat dirasai di semua negeri.
- 6. BWK 2024 akan memberi fokus kepada Wakaf Pendidikan Tinggi di mana menerusi majlis ini juga, YB Senator Dato' Setia turut melancarkan myWaqafPTPTN, iaitu hasil kerjasama strategik antara YWM dan PTPTN serta Buku Amalan Tadbir Urus Wakaf di Universiti Awam Malaysia terbitan JAWHAR.
- 7. **Para ilmuwan di institusi pengajian tinggi digalakkan untuk menghasilkan pelbagai kajian ilmiah sebagai panduan kepada pemain-pemain wakaf.** Selain itu, **JAWHAR dan Majlis Wakaf, Endowmen dan Zakat Universiti (MAWEZ) wajar memperkuuhkan jalinan kerjasama agar banyak lagi penyelidikan berkaitan wakaf dapat ditelusuri.**
- 8. Kejayaan menuju wakaf pendidikan tinggi hasil kerjasama YWM dan PTPTN wajar dicontohi oleh pelbagai pihak ke arah melestarikan budaya berwakaf dalam kalangan masyarakat dan mempelbagaikan sumber dana pembiayaan untuk generasi akan datang. Inisiatif ini dapat meningkatkan motivasi kepada para mahasiswa meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi sekali gus menjana kepada pembangunan modal insan negara.

9. Turut sama dalam majlis ini adalah YBhg. Datuk Norliza binti Abdul Rahim (Pengerusi PTPTN), YBhg. Dato' Selamat bin Paigo (Ketua Pengarah JAWHAR), YBrs. Dr. Ridzwan bin Bakar (Ketua Pegawai Eksekutif YWM) dan YBrs. Encik Ahmad Dasuki bin Abdul Majid (Ketua Eksekutif PTPTN).
10. Terdahulu, majlis ini dimulakan dengan sesi *Waqf Hi-Tea Talk: Wakaf Pendidikan Pemacu Malaysia MADANI* oleh YBrs. Dr. Ridzwan bin Bakar (Ketua Pegawai Eksekutif YWM) dan YBrs. Encik Ahmad Dasuki bin Abdul Majid (Ketua Eksekutif PTPTN) bagi berkongsi dengan peserta mengenai kerjasama yang dijalankan oleh kedua-dua pihak dalam wakaf pendidikan tinggi.
11. Semua sumbangan Wakaf Tunai Malaysia anjuran YWM adalah layak mendapat Potongan Cukai Pendapatan di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, terhad 10% bagi individu dan syarikat daripada jumlah pendapatan agregat.

- TAMAT -

---

**Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**

1. Encik Zulkurnain bin Hassan  
Ketua Unit Integriti dan Komunikasi Korporat  
Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR)  
018-394 9103 | zulkurnain@jawhar.gov.my
2. Cik Haidatul Azia binti Husin  
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat  
Yayasan Waqaf Malaysia  
019-3883395 | azia@ywm.gov.my